

Megawati lawat Malaysia dua hari mulai esok

UM 26 AUG 2001
KUALA LUMPUR 25

Ogos — Presiden Indónesia, Megawati Sukarnoputri akan melawat Malaysia selama dua hari mulai Isnin ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan itu adalah yang pertama ke Malaysia selepas dilantik sebagai Presiden pada 23 Julai lalu dan ia adalah atas undangan Yang diPertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Semasa di sini, Megawati akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi membincangkan isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Beliau yang mengetuai rombongan 60 orang akan diiringi oleh suaminya, Taufik Kemas dan Menteri Luar, N. Hassan Wirajuda.

“Kerajaan Malaysia yakin bahawa dengan lawatan negara ini, hubungan erat yang sedia ada di antara Malaysia dan Indonesia akan diperkukuh dan dipertingkatkan lagi demi kebaikan kedua-dua negara dan rakyat,” menurut kenyataan itu lagi.

Megawati juga dijangka mengadakan perjumpaan dengan rakyat Indonesia yang berada di negara ini.